



PANDUAN PERALIHAN

PERATURAN-PERATURAN PERALIHAN

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

5 September 2018

Penerbitan

Tarikh: 5 September 2018.

Peraturan-Peraturan Peralihan pada 30 Ogos 2018 ditarik balik dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan Peralihan yang dikemaskini pada 5 September 2018.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

GAMBARAN MENGENAI CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) ..1	
KONSEP UMUM	1
PEMANSUHAN AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014	4
Pemansuhan Akta CBP 2014 Dengan Peruntukan Kecualian (Penerusan Liabiliti/ Rayuan Yang Belum Selesai).....	4
Pengemukaan Penyata Bagi Tempoh Bercukai Terakhir dan Pembayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan	5
Pengemukaan Perisytiharan dan Pembayaran Cukai oleh Orang Selain Orang Kena Cukai	5
Tuntutan Bagi Cukai Input dan Pembayaran Balik	5
Penerusan Pelantikan dan Pekerjaan	6
Ejen Cukai	6
Kesan ke atas CBP	6
PEMBEKALAN BERPERINGKAT DAN BERKALA YANG MENJANGKAUI PELAKSANAAN CJCP	6
Perjanjian Berperingkat atau Berkala di bawah Akta Cukai Jualan 2018	6
Perjanjian Berperingkat atau Berkala di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.....	7
PEMBEKALAN MENJANGKAUI CBP 6% KE CBP 0% DAN CBP KE CJCP.....	8
Pembekalan Barang dan Perkhidmatan Menjangkau CBP 6% ke CBP 0% (Seksyen 66(2) Akta CBP 2014)	8
PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN MENJANGKAUI CBP KE CJCP	10
Barang Kena Cukai yang Dijual Sebelum 1 September 2018 dan Dikembalikan Pada atau Selepas 1 September 2018	10
Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sebelum 1 September 2018 dan Ditamatkan Pada atau Selepas 1 September 2018.....	10

Pembekalan Barang Kena Cukai atau Perkhidmatan Kena Cukai yang Dibuat Sebelum 1 September 2018 dan Pembayaran Diterima atau Invois Dikeluarkan Pada atau Selepas 1 September 2018.	10
Pembekalan Barang atau Perkhidmatan yang Tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan	15
BARANG BERCUKAI DIJUAL DAN PERKHIDMATAN DITETAPKAN DILAKSANAKAN SEBELUM DAN PADA ATAU SELEPAS 1 SEPTEMBER 2018 (CUKAI GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR)	16
Umum.....	16
Cukai Jualan Genap Masa dan Kena Dibayar	16
Cukai Perkhidmatan Genap Masa dan Kena Dibayar	17
PENENTUAN NILAI	19
Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai	19
Penentuan Nilai Perkhidmatan Bercukai	20
PENDAFTARAN DALAM TEMPOH PERALIHAN	21
BAYARAN BALIK KHAS	23
HAK YANG DIBERIKAN SEPANJANG HAYAT	23
BAYARAN TAHANAN	25
PELEPASAN HUTANG LAPUK	26
WARANTI.....	27
PERKARA YANG DILAKUKAN PADA MENJANGKAKAN AKTA INI DIPERBUAT (AKTA CUKAI JUALAN 2018 DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018).....	27
SOALAN-SOALAN LAZIM	28
PERTANYAAN.....	49
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	49

PENGENALAN

1. Mulai 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersama-sama peraturan-peraturan subsidiarinya telah diperkenalkan untuk menggantikan Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan 2014
2. Melalui Akta Cukai Jualan 2018, cukai jualan dikenakan dan dilevi ke atas barang-barang yang diimport dan dikilang dalam Malaysia, sama ada pada masa pengimportan atau pada masa barang itu dijual atau dilupuskan oleh pengilang berdaftar. Manakala, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pula menetapkan bahawa cukai perkhidmatan dikenakan dan dilevi ke atas penyediaan perkhidmatan yang dikenakan oleh orang berdaftar di Malaysia.
3. Dokumen ini diterbitkan bertujuan untuk memberi jawapan dan penjelasan terhadap soalan serta isu yang sering dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan, khasnya oleh masyarakat pedagang, berkenaan perundangan berkenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan serta peraturan-peraturan subsidiari yang berkaitan dengannya.

GAMBARAN MENGENAI CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)

4. Sistem cukai penggunaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) telah dilaksanakan pada 1 April 2015 melalui Akta CBP 2014 dan pelbagai undang-undang subsidiari. Semasa pelaksanaan CBP, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 telah dimansuhkan. Berikutan program pembaharuan rasionalisasi dan fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan, kedua-dua Akta yang dimansuhkan dan perundangan subsidiari masing-masing telah diperkenalkan semula pada 1 September 2018 dengan beberapa perubahan. Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 akan berkuat kuasa pada 1 September 2018.

KONSEP UMUM

5. Cukai Jualan adalah cukai seperingkat yang dikenakan ke atas barang-barang yang diimport dan barang kilangan tempatan, sama ada pada masa pengimportan atau pada masa barang itu dijual atau dilupuskan oleh pengilang berdaftar. Nilai ambang adalah melebihi RM500,000 untuk tempoh 12 bulan dan penyata cukai hendaklah

dikemukakan dalam tempoh dua bulan sekali. Cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang yang disenaraikan di bawah Perintah Cukai Jualan (Barang-Barang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018 dan Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018. Aktiviti pengilangan tertentu dikecualikan oleh Menteri Kewangan melalui Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018.

6. Cukai Perkhidmatan dikenakan dan dilevi ke atas penyediaan perkhidmatan bercukai; dibuat dalam penerusan apa-apa perniagaan; oleh orang yang kena cukai; dan di Malaysia. Cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan yang diimport dan dieksport. Nilai ambang adalah melebihi RM500,000 dan RM1,500,000 (perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman) untuk tempoh 12 bulan dan penyata cukai hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua bulan sekali. Tiada nilai ambang untuk kad kredit (RM25/ kad), dan caj kad serta perkhidmatan ejen penghantaran.

Penyediaan perkhidmatan bercukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN BERCUKAI	NILAI AMBANG DI BAWAH AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018
Hotel (rumah penginapan, pangsapuri servis, homestay, rumah inap, rumah rehat, dan rumah tumpangan) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan.	> RM500,000
Insurans dan Takaful (semua insurans B2B, semua insurans am atau takaful B2C tidak termasuk insurans perubatan atau takaful perubatan) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas premium sebenar yang dibayar	> RM500,000
Perkhidmatan Penyediaan Makanan dan Minuman (restoran, kafe, katering, take away, trak makanan, kedai runcit, penjaja, dan lain-lain) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan.	> RM1,500,000

PERKHIDMATAN BERCUKAI	NILAI AMBANG DI BAWAH AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018
Bekalan elektrik (B2C; lebih daripada 600kWh) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan.	> RM500,000
Kelab : i. kelab malam ii. kelab persendirian iii. kelab golf iv. lapang sasaran untuk golf Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan.	> RM500,000
Permainan (kasino, game of chance, cabutan bertuah, mesin permainan, loteri, pertaruhan) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas kutipan, berdasarkan formula.	> RM500,000
Lain-lain perkhidmatan bercukai : i. Telekomunikasi ii. TV berbayar iii. Ejen penghantaran ----- iv. Undang-undang v. Perakaunan vi. Juru ukur vii. Senibina viii. Penilai ix. Kejuruteraan x. Agensi pekerjaan xi. Keselamatan xii. Perkhidmatan pengurusan xiii. Tempat letak kenderaan xiv. Perkhidmatan kenderaan bermotor atau pembaikan xv. Pos xvi. Sewa dan pandu kereta xvii. Pengiklanan - xviii. Penerbangan domestik kecuali Perkhidmatan Penerbangan Luar Bandar (dari suatu tempat di Sabah ke suatu tempat yang lain di Sabah dan dari suatu tempat di Sarawak ke suatu tempat yang lain di Sarawak) xix. Kad kredit dan kad caj ----- xx. Perkhidmatan IT	----- Tiada Nilai Ambang > RM500,000 ----- Tiada nilai ambang (RM25/kad)

7. Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan tidak terpakai di kawasan yang ditetapkan (Labuan, Langkawi dan Tioman) dan kawasan khas (Zon Bebas, Gudang Berlesen, Gudang Pengilangan Berlesen dan Kawasan Pembangunan Bersama) kecuali perkhidmatan penginapan dan telekomunikasi, perkhidmatan penerbangan domestik di antara kawasan ditetapkan, di antara kawasan khas dan dari kawasan ditetapkan ke kawasan khas dan sebaliknya, perkhidmatan pelepasan kastam dan penyediaan makanan dan minuman.

PEMANSUHAN AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Pemansuhan Akta CBP 2014 Dengan Peruntukan Kecualian (Penerusan Liabiliti/ Rayuan Yang Belum Selesai)

8. Dengan berkuatkuasanya CJCP, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dimansuhkan dengan kecualian peruntukan tertentu untuk melevi, bayaran, penaksiran, remisi, atau mendapatkan semula cukai barang dan perkhidmatan yang genap masanya dan kena dibayar.

9. Apa-apa liabiliti yang ditanggung boleh dikuatkuasakan dan apa-apa cukai barang dan perkhidmatan yang genap masa, yang terlebih bayar atau yang terkhilaf bayar boleh dipungut, dibayar balik, diremit atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta yang telah dimansuhkan itu tidak dimansuhkan.

10. Seksyen 178, 181 dan 191 Akta CBP 2014 hendaklah terus berkuatkuasa pada atau selepas 1 September 2018.

11. Ketua Pengarah boleh membuat keputusan mengenai permohonan untuk semakan semula yang dibuat sebelum 1 September 2018, pada atau selepas 1 September 2018.

12. Apa-apa keputusan semakan semula yang dibuat oleh Ketua Pengarah, sebelum, pada atau selepas tarikh efektif, yang boleh dirayu kepada Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan, boleh dirayu oleh orang yang terkilan kepada Tribunal Rayuan Kastam

dengan syarat bahawa rayuan itu dibuat dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan itu dimaklumkan kepada orang yang terkilan itu oleh Ketua Pengarah.

13. Apa-apa rayuan di hadapan Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh efektif hendaklah, pada atau selepas tarikh efektif, diteruskan untuk didengar dan diputuskan oleh Tribunal Rayuan Kastam.

Pengemukakan Penyata Bagi Tempoh Bercukai Terakhir dan Pembayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan

14. Apa-apa tempoh bercukai yang bermula sebelum tarikh efektif dan berakhir selepas tarikh efektif hendaklah disifatkan berakhir pada tarikh efektif.

15. Mana-mana orang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah mengemukakan penyata dan membayar amaun cukai barang dan perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar yang berhubung dengan pembekalan itu kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh efektif.

Pengemukakan Perisytiharan dan Pembayaran Cukai oleh Orang Selain Orang Kena Cukai

16. Mana-mana orang selain seseorang orang kena cukai di bawah subseksyen 42(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang bertanggung bagi cukai barang dan perkhidmatan dalam bulan sebelum tarikh efektif hendaklah mengemukakan suatu perisytiharan dan membayar amaun cukai barang dan perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas tarikh efektif.

Tuntutan Bagi Cukai Input dan Pembayaran Balik

17. Mana-mana orang yang berhak mendapat tuntutan cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dimansuhkan yang belum dituntut sebelum tarikh efektif hendaklah membuat tuntutan dalam penyata terakhir untuk dihantar dalam masa seratus dua puluh (120) hari dari tarikh efektif. Tuntutan itu hendaklah dianggap sebagai tuntutan muktamad bagi semua cukai input.

18. Sekiranya tuntutan cukai input itu tertakluk kepada penentusahan, audit atau siasatan, apa-apa pembayaran balik cukai input hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah dalam masa enam tahun dari tarikh efektif.

Penerusan Pelantikan dan Pekerjaan

19. Mana-mana orang selain pegawai kastam yang dilantik atau diambil kerja dengan persetujuan Ketua Pengarah dibawah seksyen 5(3) Akta yang dimansuhkan hendaklah terus melaksanakan tugas atau perkhidmatan itu sehingga pelantikan atau pekerjaannya habis tempoh atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah (mengikut mana-mana yang lebih awal).

Ejen Cukai

20. Mana-mana ejen cukai yang kelulusannya masih sah boleh terus bertindak bagi pihak mana-mana orang pada atau selepas tarikh efektif sehingga kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan oleh Menteri (mengikut mana-mana yang lebih awal).

Kesan ke atas CBP

21. Berkuat kuasa dari tarikh efektif, CBP tidak akan dikenakan dan dilevi ke atas:

- (i) Apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia, termasuk apa-apa yang dianggap sebagai pembekalan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan
- (ii) Apa-apa pengimportan barang ke Malaysia.

PEMBEKALAN BERPERINGKAT DAN BERKALA YANG MENJANGKAUI PELAKSANAAN CJCP

Perjanjian Berperingkat atau Berkala di bawah Akta Cukai Jualan 2018

22. Jika apa-apa jualan barang bercukai dibuat di bawah suatu perjanjian untuk suatu tempoh atau secara berperingkat bagi suatu tempoh sama ada atau tidak pada lat tempoh

yang tetap dan tempoh itu bermula sebelum 1 Jun 2018 dan berakhir pada atau selepas tarikh efektif, bahagian jualan yang dihubungkan dengan bahagian bagi tempoh pada atau selepas tarikh efektif hendaklah dikenakan cukai jualan.

23. Jika jualan barang dibuat di bawah suatu waranti sama ada yang nyata, tersirat atau dikehendaki oleh undang-undang dan nilai waranti itu dimasukkan ke dalam harga barang itu, tiada cukai jualan boleh dikenakan ke atas penggantian barang di bawah waranti itu.

24. Ini tidak terpakai bagi penjualan barang yang CBP di bawah Akta CBP 2014 telah dibayar atas penjualan barang itu setakat diliputi oleh invois itu.

Perjanjian Berperingkat atau Berkala di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

25. Apa-apa perkhidmatan bercukai diberikan di bawah suatu perjanjian di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 bagi suatu tempoh atau secara berperingkat bagi suatu tempoh sama ada atau tidak pada lat tempoh yang tetap dan tempoh itu bermula sebelum 1 Jun 2018 dan berakhir pada atau selepas tarikh efektif, bahagian perkhidmatan yang dihubungkan dengan bahagian bagi tempoh pada atau selepas tarikh efektif hendaklah dikenakan cukai perkhidmatan.

26. Perkhidmatan yang diberikan hendaklah diambil sebagai dibuat secara berterusan dan secara sama rata sepanjang tempoh perjanjian itu.

27. Jika perkhidmatan itu diberikan di bawah suatu waranti sama ada yang nyata, tersirat atau dikehendaki oleh undang-undang dan nilai waranti itu dimasukkan ke dalam nilai perkhidmatan yang diberikan itu, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di bawah waranti itu.

28. Ini tidak terpakai bagi suatu pemberian perkhidmatan jika CBP di bawah Akta CBP 2014 telah dibayar ke atas perkhidmatan itu setakat yang diliputi oleh invois.

PEMBEKALAN MENJANGKAUI CBP 6% KE CBP 0% DAN CBP KE CJCP

Pembekalan Barang dan Perkhidmatan Menjangkau CBP 6% ke CBP 0% (Seksyen 66(2) Akta CBP 2014)

29. CBP hendaklah dikenakan pada kadar cukai lama atas:

- (i) Amaun yang lebih tinggi dari bayaran penuh/ bayaran sebahagian yang diterima atau nilai pembekalan barang itu jika barang itu dipindahkan/ dijadikan tersedia/ perkhidmatan dilaksanakan sebelum 1 Jun 2018, ia akan tertakluk kepada CBP pada kadar 6%, dan sebaliknya.
- (ii) Cukai hendaklah dikenakan pada kadar cukai baru atas perbezaan antara amaun keseluruhan pembekalan dengan amaun yang disebut dalam perenggan 29(i).

30. Implikasi cukai ke atas pembekalan barangan dan perkhidmatan yang menjangkau CBP 6% ke CBP 0% (tanpa mengambilkira invois dikeluarkan) adalah seperti berikut:

No.	CBP 6%	CBP 0%	Implikasi
1.	Pembekalan berkala atau progresif Barang yang dibekalkan / dijadikan tersedia / perkhidmatan yang dilaksanakan	Pembekalan berkala atau progresif Barang yang dibekalkan / dijadikan tersedia / perkhidmatan yang dilaksanakan	CBP akan dikenakan ke atas nilai barangan yang dibekalkan / perkhidmatan yang dilaksanakan (6% jika dibekalkan sebelum 1 Jun 2018 dan 0% jika dibekalkan pada atau selepas 1 Jun 2018)
2.	Jualan konsainan: Barang yang dijadikan tersedia (dipindakan)	Jualan konsainan: Barang dijual Pernyataan jualan disediakan Invois cukai dikeluarkan	Tertakluk kepada CBP 0% apabila jualan barang telah dipastikan.

No.	CBP 6%	CBP 0%	Implikasi
3.	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM600	CBP pada 6% akan dikenakan ke atas nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 CBP pada 0% akan dikenakan pada kadar cukai baru atas perbezaan: RM600
4.	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000 Bayaran penuh diterima: RM1000	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM600	CBP pada 6% akan dikenakan ke atas nilai bayaran penuh yang diterima (yang lebih tinggi di antara bayaran penuh/ sebahagian yang diterima atau nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan yang dilaksanakan): RM1000
5.	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM400 Bayaran penuh diterima: RM1000	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM600 Invois dikeluarkan: RM1000	CBP pada 6% akan dikenakan ke atas nilai bayaran penuh yang diterima (yang lebih tinggi di antara bayaran penuh/ sebahagian yang diterima atau nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan yang dilaksanakan): RM1000
6.	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM600 Sebahagian bayaran diterima: RM400	Nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan: RM400 Baki bayaran diterima: RM600	CBP pada 6% akan dikenakan ke atas nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan dilaksanakan (yang lebih tinggi di antara bayaran penuh/ sebahagian yang diterima atau nilai barangan yang dipindahkan/ perkhidmatan yang dilaksanakan): RM600 CBP pada 0% akan dikenakan pada kadar cukai baru atas perbezaan: RM400

No.	CBP 6%	CBP 0%	Implikasi
7.	Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak)	Invois dikeluarkan Bayaran diterima	CBP 6% akan dikenakan ke atas perkhidmatan dilaksanakan.

PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN MENJANGKAUI CBP KE CJCP

Barang Kena Cukai yang Dijual Sebelum 1 September 2018 dan Dikembalikan Pada atau Selepas 1 September 2018

31. Tiada implikasi cukai ke atas jualan barang kena cukai sebelum 1 September 2018 (dijual pada 1 Jun 2018 dan seterusnya) dan dikembalikan pada atau selepas 1 September 2018 kerana kadar CBP adalah 0% efektif pada 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018.

Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sebelum 1 September 2018 dan Ditamatkan Pada atau Selepas 1 September 2018

32. Tiada implikasi cukai ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 1 September 2018 (yang disediakan pada 1 Jun 2018 dan seterusnya) dan perkhidmatan bercukai ditamatkan pada atau selepas 1 September 2018 kerana kadar CBP adalah 0% berkuat kuasa pada 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018.

Pembekalan Barang Kena Cukai atau Perkhidmatan Kena Cukai yang Dibuat Sebelum 1 September 2018 dan Pembayaran Diterima atau Invois Dikeluarkan Pada atau Selepas 1 September 2018.

33. Bagi barang yang dipindahkan atau dijadikan tersedia atau perkhidmatan yang disediakan sebelum 1 Jun 2018, jika pembayaran atau bayaran sebahagian yang diterima atau invois dikeluarkan pada atau selepas 1 September 2018, pembekalan barang atau perkhidmatan adalah tertakluk kepada CBP pada 6%.

34. Bagi barang yang dipindahkan atau dijadikan tersedia atau perkhidmatan yang disediakan selepas 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018, jika pembayaran atau sebahagian pembayaran yang diterima atau invois dikeluarkan pada atau selepas 1 September 2018, pembekalan perkhidmatan adalah tertakluk kepada CBP pada 0%.

35. CBP akan dikenakan ke atas barang yang dipindahkan/ dijadikan tersedia/ perkhidmatan yang dilaksanakan dalam era CBP dan CJCP akan dikenakan ke atas barang dikilangkan yang dipindahkan/ dijadikan tersedia/ perkhidmatan ditetapkan yang dilaksanakan dalam era CJCP

36. Implikasi cukai ke atas pembekalan barang yang menjangkau CBP kepada CJCP (invois, pembayaran, barang yang dipindahkan) adalah seperti berikut:

No.	CBP 0%	Cukai Jualan	Implikasi
1.	Pembekalan berkala atau berperingkat Barang dibekalkan	Perjanjian berkala atau berperingkat Barang dijual	CBP akan dikenakan ke atas nilai barang yang dibekalkan. Cukai Jualan akan dikenakan ke atas nilai barang yang dijual.
2.	Stok dalam pegangan: Orang berdaftar CBP Orang tidak berdaftar	Stok dalam pegangan: Pengilang berdaftar Pengilang tidak berdaftar Pengilang berdaftar	Tiada implikasi cukai. Cukai output diakaunkan untuk CBP (kadar standard 0%) Tiada bayaran balik khas ke atas CBP
3.	Jualan konsainan: Barang yang dijadikan tersedia (dipindahkan)	Jualan konsainan: Barang dijual Pernyataan jualan disediakan Invois cukai dikeluarkan	Tertakluk kepada Cukai Jualan apabila jualan barang telah dipastikan.

No.	CBP 0%	Cukai Jualan	Implikasi
4.	Nilai barang yang dipindahkan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000	Nilai barang yang dipindahkan: RM600	CBP akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM400 Cukai Jualan akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM600
5.	Nilai barang yang dipindahkan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000 Bayaran penuh diterima: RM1000	Nilai barang yang dipindahkan: RM600	CBP akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM400 Cukai Jualan akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM600
6.	Nilai barang yang dipindahkan: RM400 Bayaran penuh diterima: RM1000	Nilai barang yang dipindahkan: RM600 Invois dikeluarkan: RM1000	CBP akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM400 Cukai Jualan akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM600
7.	Nilai barang yang dipindahkan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000 Sebahagian bayaran diterima: RM700	Nilai barang yang dipindahkan: RM600 Baki bayaran diterima: RM300	CBP akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM400 Cukai Jualan akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM600
8	Nilai barang yang dipindahkan: RM1200 Invois dikeluarkan: RM2000	Nilai barang yang dipindahkan: RM800 Baki bayaran diterima: RM1500	CBP akan dikenakan ke atas nilai barang yang dipindahkan: RM1200 Cukai Jualan akan dikenakan ke atas nilai

No.	CBP 0%	Cukai Jualan	Implikasi
	Sebahagian bayaran diterima: RM500		barang yang dipindahkan: RM800

37. Implikasi cukai ke atas pembekalan perkhidmatan yang menjangkau CBP kepada CJCP (invois, pembayaran, perkhidmatan yang dilaksanakan) adalah seperti berikut:

No.	CBP 0%	Cukai Perkhidmatan	Implikasi
1.	Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak)	Invois dikeluarkan Bayaran diterima	CBP dikenakan ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan
2.	Invois dikeluarkan Bayaran penuh diterima	Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak)	Cukai Perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan
3.	Invois dikeluarkan	Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak) Bayaran diterima	Cukai Perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan
4.	Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak) Bayaran penuh diterima	Invois dikeluarkan	CBP dikenakan ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan
5.	Bayaran penuh diterima	Invois dikeluarkan Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak)	Cukai Perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan
6.	Invois dikeluarkan Perkhidmatan dilaksanakan (Kerja sub-kontrak)	Bayaran diterima	CBP dikenakan ke atas perkhidmatan yang dilaksanakan

No.	CBP 0%	Cukai Perkhidmatan	Implikasi
7.	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM600	CBP dikenakan ke atas nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Cukai Perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai perkhidmatan dilaksanakan: RM600
8.	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000 Bayaran penuh diterima: RM1000	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM600	CBP dikenakan ke atas nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Cukai Perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai perkhidmatan dilaksanakan: RM600
9.	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Bayaran penuh diterima: RM1000	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM600 Invois dikeluarkan: RM1000	CBP dikenakan ke atas nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Cukai Perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai perkhidmatan dilaksanakan: RM600
10.	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Invois dikeluarkan: RM1000 Sebahagian bayaran diterima: RM700	Nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM600 Baki bayaran diterima: RM300	CBP dikenakan ke atas nilai perkhidmatan yang dilaksanakan: RM400 Cukai Perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai perkhidmatan dilaksanakan: RM600

Pembekalan Barang atau Perkhidmatan yang Tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

38. Secara amnya, jualan barang atau perkhidmatan bercukai sebelum 1 September 2018 (1 Jun 2018 seterusnya) adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0% tetapi jualan barang yang dikilangkan dan perkhidmatan ditetapkan yang disediakan pada atau selepas 1 September 2018 adalah tertakluk kepada CJCP.

(i) Liabiliti CJCP:

- (a) Jika barang-barang dipindahkan / dijadikan tersedia atau perkhidmatan yang disediakan sebelum 1 September 2018 (1 Jun 2018 dan seterusnya) di mana invois dikeluarkan atau pembayaran diterima pada atau selepas 1 September 2018, balasan untuk penjualan barang atau perkhidmatan yang disediakan tidak tertakluk kepada CJCP (tertakluk kepada CBP pada 0%).
- (b) Sekiranya barang-barang yang dikilangkan atau diimport dipindahkan / dijadikan tersedia atau perkhidmatan ditetapkan yang disediakan sebelum 1 September 2018 dan berakhir pada atau selepas 1 September 2018 (menjangkau 1 September 2018) di mana invois dikeluarkan atau pembayaran diterima pada atau selepas 1 September 2018, bahagian pembekalan yang dibuat pada atau selepas 1 September 2018 adalah tertakluk kepada CJCP.

(ii) Kelayakan cukai input di bawah CJCP

Perolehan berkadar standard yang dibuat sebelum 1 Jun 2018 berhak untuk tuntutan cukai input oleh orang berdaftar CBP. Tiada cukai input di bawah CJCP.

**BARANG BERCUKAI DIJUAL DAN PERKHIDMATAN DITETAPKAN
DILAKSANAKAN SEBELUM DAN PADA ATAU SELEPAS 1 SEPTEMBER 2018
(CUKAI GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR)**

Umum

39. Secara umumnya, CJCP tidak dikenakan ke atas apa-apa jualan barangan yang dikilangkan dan pada apa-apa perkhidmatan ditetapkan yang disediakan sebelum 1 September 2018 walaupun keseluruhan pembayaran atau sebahagiannya dibuat pada atau selepas 1 September 2018 atau invois dikeluarkan pada atau selepas 1 September 2018. Walau bagaimanapun, CJCP dikenakan ke atas apa-apa jualan barangan yang dikilangkan dan pada apa-apa perkhidmatan ditetapkan yang disediakan pada atau selepas 1 September 2018.

Cukai Jualan Genap Masa dan Kena Dibayar

40. Cukai Jualan hendaklah dikenakan dan dilevi ke atas barang bercukai yang dikilangkan secara tempatan **pada masa barang bercukai itu dijual, dilupuskan selain dengan cara jualan, atau pertama kali digunakan selain sebagai bahan dalam pengilangan barang bercukai** oleh orang kena cukai.

41. Menteri boleh menentukan masa yang berlainan bagi cukai jualan menjadi genap masa berkenaan dengan petroleum tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikrikan patut oleh Menteri.

42. Jika apa-apa jualan barang bercukai dibuat oleh mana-mana orang, yang merupakan orang bercukai di bawah Akta Cualan Jualan 2018, dalam tempoh bermula dari 1 Jun 2018 dan berakhir sebaik sebelum tarikh efektif, dan barang bercukai itu dihantar pada atau selepas tarikh efektif:

- (i) Jualan barang bercukai itu hendaklah disifatkan telah dibuat pada tarikh barang bercukai itu dihantar walaupun apa-apa pembayaran, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, diterima atau invois dikeluarkan, bagi barang bercukai itu dalam tempoh itu;

- (ii) Apa-apa pembayaran yang diterima dalam tempoh itu atau pada atau selepas tarikh efektif, atau inois dikeluarkan dalam tempoh itu, hendaklah disifatkan telah diterima atau dikeluarkan pada tarikh barang bercukai itu dihantar; dan
- (iii) Cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas barang bercukai itu dan hendaklah menjadi genap masa pada tarikh barang bercukai itu dihantar.

Barang dikilangkan tertakluk kepada Cukai Jualan:

No.	Sebelum 1 Jun 2018	1 Jun 2018 – 31 Ogos 2018	1 September 2018 seterusnya	Implikasi
1.	-	Inois dikeluarkan (Barang dijual)	Barang dihantar (Dijadikan tersedia/ dipindahkan)	Tertakluk kepada Cukai Jualan
2.	Barang dijual dibawah suatu kontrak	-	Inois dikeluarkan Barang dihantar	Tertakluk kepada Cukai Jualan
3.	Barang dijual Inois dikeluarkan (CBP dikenakan pada kadar 6%)	-	Barang dihantar	Tertakluk kepada CBP pada kadar 6%

43. Jika mana-mana pengilang berdaftar yang berhenti menjalankan perniagaan sebagai pengilang digantikan dalam perniagaan itu oleh orang lain yang membeli daripada pengilang berdaftar itu apa-apa stok barang bercukai yang ada dalam tangan pada tarikh pemberhentian itu atau memperoleh apa-apa stok barang bercukai sebagai seorang pemegang amanah, penerima, pelikuidasi, penerima derma, atau benefisiari bagi pengilang berdaftar itu, tiada cukai jualan boleh menjadi genap masa ke atas pembelian atau perolehan itu.

Cukai Perkhidmatan Genap Masa dan Kena Dibayar

44. Cukai perkhidmatan adalah genap masa dan boleh dikenakan **pada masa pembayaran diterima** bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar kepada pelanggan.

45. Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran bagi mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar tidak diterima daripada pelanggan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh invois bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan itu, cukai perkhidmatan hendaklah menjadi genap masa pada hari yang mengikuti tempoh dua belas (12) bulan itu dan perlu dibayar oleh orang berdaftar.

46. Jika suatu perkiraan atau perjanjian bagi pemberian apa-apa perkhidmatan bercukai dibuat oleh mana-mana orang, yang merupakan orang bercukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, dalam tempoh bermula dari 1 Jun 2018 dan berakhir sebaik sebelum tarikh efektif, dan perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan pada atau selepas tarikh efektif:

- (i) Perkiraan atau perjanjian bagi pemberian apa-apa perkhidmatan bercukai itu hendaklah disifatkan telah dibuat pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan walaupun apa-apa pembayaran, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, diterima atau invois dikeluarkan, bagi perkhidmatan bercukai itu dalam tempoh itu;
- (ii) Apa-apa pembayaran yang diterima dalam tempoh itu atau pada atau selepas tarikh efektif, atau invois dikeluarkan dalam tempoh itu, hendaklah disifatkan telah diterima atau dikeluarkan pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan; dan
- (iii) Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas perkhidmatan bercukai itu dan hendaklah menjadi genap masa pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan.

47. Tiket penerbangan domestik yang dibeli sebelum 1 September 2018 dan dijadualkan untuk berlepas pada atau selepas 1 September 2018, pengecualian dari pembayaran cukai perkhidmatan diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Perkhidmatan ditetapkan yang tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan:

No.	Sebelum 1 Jun 2018	1 Jun 2018 – 31 Ogos 2018	1 September 2018 seterusnya	Implikasi
1.	-	Perkhidmatan ditetapkan diberikan dibawah suatu kontrak. Invois dikeluarkan.	Perkhidmatan ditetapkan diberikan atau dilaksanakan	Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan
2.	Perkhidmatan ditetapkan diberikan dibawah suatu kontrak. Invois dikeluarkan.	-	Invois dikeluarkan. Perkhidmatan ditetapkan diberikan atau dilaksanakan	Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan
3.	Invois dikeluarkan (CBP dikenakan pada kadar 6%)	-	Perkhidmatan ditetapkan diberikan atau dilaksanakan.	Tertakluk kepada CBP pada kadar 6%

PENENTUAN NILAI

Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai

48. Nilai jualan barang bercukai kilangan tempatan akan ditentukan mengikut Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018.

49. Nilai jualan barang bercukai yang diimport ke dalam Malaysia hendaklah jumlah amaun yang berikut:

- i. Nilai barang bercukai itu bagi maksud duti kastam sebagaimana yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967;
- ii. Amaun duti kastam, jika ada, yang telah dibayar atau kena dibayar ke atas barang bercukai itu; dan

- iii. Amaun duti eksais, jika ada, yang telah dibayar atau kena dibayar ke atas barang bercukai itu.

50. Mana-mana pengilang berdaftar yang menerima barang bercukai daripada mana-mana orang untuk dikilangkan dan kemudiannya memulangkan barang yang telah dikilangkan sedemikian kepada orang itu, nilai jualan barang yang dikilangkan sedemikian hendaklah merupakan amaun yang dikenakan oleh pengilang itu bagi kerja yang telah dilakukan olehnya.

Penentuan Nilai Perkhidmatan Bercukai

51. Nilai perkhidmatan bercukai yang baginya cukai perkhidmatan kena dibayar hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

- (i) Dalam hal perkhidmatan bercukai bagi:
 - (a) Penjualan barang kepada orang yang tidak berkaitan, harga sebenar barang itu dijual;
 - (b) Penjualan barang kepada orang yang berkaitan, harga bagi barang itu jika dijual dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu;
 - (c) Pembekalan barang, jika barang itu dibekalkan secara percuma, harga bagi barang itu jika dijual dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu;
- (ii) Dalam hal perkhidmatan bercukai, selain perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam perenggan 50(i):
 - (a) Diberikan kepada orang yang tidak berkaitan, nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diberikan itu; atau dalam hal premium bagi polisi insurans, atau sumbangan takaful bagi sijil takaful, premium atau sumbangan takaful sebenar yang dibayar;

- (b) Diberikan kepada orang yang berkaitan, nilai perkhidmatan bercukai itu jika diberikan dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu; atau
 - (c) Jika perkhidmatan bercukai itu diberikan secara percuma, nilai perkhidmatan bercukai itu jika diberikan dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu;
- (iii) Dalam hal pertaruhan dan perjudian yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai, nilai pertaruhan dan perjudian itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

52. Pembekalan tersebut merujuk kepada pembekalan barang dan perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada CBP dan pembekalan ini mungkin menjangkau 1 September 2018.

PENDAFTARAN DALAM TEMPOH PERALIHAN

53. Pengilang/ pembekal perkhidmatan ditetapkan yang bertanggung untuk berdaftar perlu mendaftar sebelum 1 September 2018. Tarikh permulaan pendaftaran adalah pada 1 September 2018. (Pendaftaran biasa)

54. Pengilang/ pembekal perkhidmatan ditetapkan yang merupakan orang berdaftar CBP yang telah dikenalpasti dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan didaftarkan secara automatik sebagai pengilang berdaftar/ orang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Pengilang berdaftar / orang berdaftar perlu mengenakan cukai jualan / cukai perkhidmatan efektif 1 September 2018. (Pendaftaran automatic)

55. Orang yang tidak berdaftar CBP yang mengilang barang / menyediakan perkhidmatan yang ditetapkan dan memenuhi kriteria untuk didaftarkan pada tarikh efektif dikehendaki memohon pendaftaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh efektif. Tarikh mula pendaftaran adalah pada 1 Oktober 2018. CJCP akan dikenakan efektif dari 1 Oktober 2018 (Pendaftaran efektif pada 1 Oktober 2018)

56. Ringkasan pendaftaran pada tarikh efektif:

Cukai Jualan	Cukai Perkhidmatan
Pendaftaran Automatik pada 1 September 2018 • Orang berdaftar CBP; • Mengilang barang bercukai pada on 1 September 2018; • Jumlah nilai jualan barang bercukai melebihi RM500,000; • Tarikh pendaftaran: 1 September 2018; • Cukai Jualan akan dikenakan mulai 1 September 2018.	Pendaftaran Automatik pada 1 September 2018 • Orang berdaftar CBP; • Menyediakan perkhidmatan bercukai pada 1 September 2018; • Jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000/1,500,000/0/RM25 bagi setiap kad • Tarikh pendaftaran: 1 September 2018; • Cukai Perkhidmatan akan dikenakan mulai 1 September 2018.
Permohonan pendaftaran sebelum 1 September 2018 (Normal) • Bukan orang berdaftar CBP; • Mengilang barang bercukai pada tarikh efektif; • Jumlah nilai jualan barang bercukai melebihi RM500,000; • Memohon pendaftaran sebelum 1 September 2018 • Tarikh pendaftaran: 1 September 2018; • Cukai Jualan akan dikenakan mulai 1 September 2018.	Permohonan pendaftaran sebelum 1 September 2018 (secara sukarela) • Bukan orang berdaftar CBP; • Menyediakan perkhidmatan ditetapkan pada tarikh efektif; • Jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000/1,500,000/0/RM25 bagi setiap kad • Memohon pendaftaran sebelum 1 September 2018 • Tarikh pendaftaran: 1 September 2018; • Cukai Perkhidmatan akan dikenakan mulai 1 September 2018.
Pendaftaran pada 1 Oktober 2018 • Mengilang barang bercukai pada tarikh efektif; • Bukan orang berdaftar CBP; • Jumlah nilai jualan barang bercukai melebihi RM500,000; • Memohon pendaftaran dalam tempoh 30 hari dari 1 September 2018 • Tarikh pendaftaran: 1 Oktober 2018 • Cukai Jualan akan dikenakan mulai 1 Oktober 2018	Pendaftaran pada 1 Oktober 2018 • Menyediakan perkhidmatan ditetapkan pada tarikh efektif; • Bukan orang berdaftar CBP; • Jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000/1,500,000/0/RM25 bagi setiap kad • Memohon pendaftaran dalam tempoh 30 hari dari 1 September 2018 • Tarikh pendaftaran: 1 Oktober 2018 • Cukai Perkhidmatan akan dikenakan mulai 1 Oktober 2018

BAYARAN BALIK KHAS

57. Orang berdaftar CBP yang berhak mendapat bayaran balik khas ke atas barang dalam pegangan pada 31 Mac 2015 dan bayaran balik khas telah diluluskan di bawah lapan (8) pembayaran ansuran akan dibayar secara berterusan sehingga semua pembayaran ansuran selesai.

HAK YANG DIBERIKAN SEPANJANG HAYAT

58. Hak yang diberikan sepanjang hayat bermaksud:

- (i) Perkhidmatan itu dibuat oleh orang kena cukai yang merupakan suatu kelab atau badan serupa yang lain, menyediakan perkhidmatan di bawah suatu perjanjian untuk memberi hak;
- (ii) Perjanjian itu memperuntukkan sama ada secara nyata atau secara tersirat bahawa suatu hak hendaklah diberikan atau boleh digunakan sepanjang hayat orang itu atau bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh (30) tahun; dan
- (iii) Hak itu diberikan atau pertama kali boleh digunakan sebelum tarikh efektif (1 September 2018).

59. Kelab atau badan serupa lain itu merujuk kepada pertubuhan yang dikendalikan dan diuruskan oleh syarikat berdaftar, cth. Leisure Sun Club, Kelab Golf dan Desa Putra atau Hills Clubhouse menawarkan hak keahlian untuk menggunakan kemudahan kelab atau rumah kelab seperti sukan dan rekreasi, makanan dan minuman, penginapan dan keistimewaan kepada ahli. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk kelab dengan keahlian *timeshare* dan sepeertinya.

60. Sebarang pembayaran untuk hak tersebut yang dibuat sebelum 1 September 2018 tidak akan dikenakan Cukai Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sebarang pembayaran yang dibuat pada atau selepas 1 September 2018 akan dikenakan Cukai Perkhidmatan. Oleh itu, jika hak tersebut tidak dibayar sepenuhnya sebelum 1 September 2018 tetapi

dibayar secara progresif dan menjangkau pada atau selepas 1 September 2018, pembayaran sebahagian yang dibuat pada atau selepas 1 September 2018 akan dikenakan Cukai Perkhidmatan

Contoh 1:

Halim menjadi ahli seumur hidup di sebuah kelab persendirian pada harga RM6,000 dan membayar sepenuhnya selepas permohonan sebelum 1 September 2018. Beliau berhak untuk menggunakan kemudahan kelab itu setelah bayaran penuh. Yuran keahlian tidak tertakluk kepada cukai Perkhidmatan

Contoh 2:

Maniam menjadi ahli seumur hidup di Bandar Permai Golf Resort (BPGR) dengan harga RM150,000 pada 1 Julai 2018 dan diberikan keahlian dari 1 Julai 2018. Invois telah dikeluarkan untuk jumlah itu pada hari yang sama dan pembayaran secara berjadual adalah seperti berikut:

Maniam bayar pada...	Maniam membayar jumlah wang RM...	BPGR akaun Cukai Perkhidmatan bernilai RM...
1 Julai 2018	50,000	0.00
1 Ogos 2018	70,000	0.00
1 September 2018 (6% Cukai Perkhidmatan)	30,000	1,800.00

Contoh 3:

Menggunakan Contoh 2 di atas, jika tempoh keahlian adalah selama 20 tahun, layanan Cukai Perkhidmatan ke atas pembayaran yang dibuat oleh Maniam adalah seperti berikut:

Maniam bayar pada...	Maniam membayar jumlah wang RM...	BPGR akaun Cukai Perkhidmatan bernilai RM...
1 Julai 2018	50,000	0.00
1 Ogos 2018	70,000	0.00

<i>Maniam bayar pada...</i>	<i>Maniam membayar jumlah wang RM...</i>	<i>BPGR akaun Cukai Perkhidmatan bernilai RM...</i>
<i>1 Julai 2018</i>	<i>50,000</i>	<i>0.00</i>
<i>1 September 2018 (6% Cukai Perkhidmatan)</i>	<i>30,000</i>	<i>8,925.00</i>

Tempoh 20 tahun bermula pada 1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2038 adalah untuk tempoh 240 bulan. Perkhidmatan yang diberikan dari 1 September 2018 hingga 30 Jun 2038 yang tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan adalah selama 238 bulan.

Nilai Cukai Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam invois yang dikeluarkan sebelum 1 September 2018 untuk perkhidmatan yang disediakan yang menjangkau pelaksanaan CJCP.

Pengiraan untuk menentukan jumlah Cukai Perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bayaran ke atas perkhidmatan yang disediakan = [RM150,000/240] X 238 = RM148,750.00

Pada dan selepas 1 September 2018

*Cukai Perkhidmatan = RM148,750.00 X 6%
= RM8,925.00*

BAYARAN TAHANAN

61. Bayaran tahanan merujuk kepada amaun yang menjadi sebahagian dari balasan penuh yang dipegang oleh seseorang sementara menunggu pelaksanaan sesuatu kontrak secara sepenuhnya dan memuaskan. Jika pembayaran dibuat di bawah suatu kontrak yang berkaitan dengan pembekalan barangan atau perkhidmatan yang disediakan sebelum 1 Jun 2018, bayaran tahanan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6%. Walau bagaimanapun, jika bayaran itu dibuat pada atau selepas 1 September 2018, tetapi berkaitan dengan pembekalan yang dibuat sebelum 1 Jun 2018, ia juga adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6% (Seksyen 4(1)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018).

Contoh 4:

Seorang kontraktor membuat pembekalan perkhidmatan dari 1 Disember 2017 hingga 31 Mei 2018. Sejumlah RM48,000.00 ditahan untuk memastikan pelaksanaan kerja pembinaan yang memuaskan. Oleh kerana keseluruhan perkhidmatan telah dilaksanakan sebelum 1 Jun 2018 dan bayaran tahanan dibuat selepas 1 Jun 2018, amaun CBP yang perlu dibayar ke atas jumlah yang ditahan adalah tertakluk kepada CBP seperti berikut:

$$RM48,000 \times [6/106] = RM2,716.98$$

PELEPASAN HUTANG LAPUK

62. Secara amnya, orang berdaftar CBP di bawah Akta CBP 2014 layak untuk menuntut pelepasan hutang lapuk di bawah seksyen 58 Akta CBP 2014 pada atau selepas 1 April 2015 jika dia memenuhi semua syarat di bawah Pelepasan Hutang Lapuk seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 58(1). Peraturan ini terpakai bagi semua orang berdaftar CBP di bawah seksyen 20 dan 24 Akta CBP.

63. Hutang lapuk berlaku dalam perjalanan biasa perniagaan. Menjadi perkara biasa untuk perniagaan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang dalam tempoh enam (6) bulan. Masa yang tidak mencukupi untuk menuntut pelepasan hutang lapuk akan menjadi kos CBP ke atas perniagaan.

64. Tempoh masa melebihi enam (6) bulan diberikan kepada perniagaan untuk menuntut pelepasan hutang lapuk walaupun ia menjangkau 1 September 2018. Pelepasan hutang lapuk dibenarkan untuk dituntut dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh efektif.

65. Hutang lapuk dibayar balik pada atau selepas 1 September 2018 mesti dibayar sebagai cukai output kepada JKDM dengan cara meminda penyata GST-03 terakhir bagi tempoh bercukai terakhir (dihantar dalam tempoh 120 hari selepas tarikh efektif) (Seksyen 4(1)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018).

WARANTI

66. Pembekalan waranti tidak tertakluk kepada CJCP jika:

- (i) Bermula sebelum 1 September 2018 dan berakhir pada atau selepas 1 September 2018; dan
- (ii) Berkaitan dengan barangan atau perkhidmatan (sama ada dinyatakan, tersirat atau dikehendaki oleh undang-undang) di mana nilai waranti termasuk di dalam harga barang dan perkhidmatan pada masa barang atau perkhidmatan itu dibeli.

67. Layanan CJCP di atas juga terpakai untuk waranti lanjutan yang dibeli sebelum 1 September 2018 dan pembekalan waranti itu menjangkaui pelaksanaan CJP. Waranti lanjutan seperti itu adalah termasuk waranti yang dibeli selepas pembelian barangan atau perkhidmatan tetapi tarikh pembelian waranti yang dilanjutkan itu mestilah sebelum 1 September 2018.

PERKARA YANG DILAKUKAN PADA MENJANGKAKAN AKTA INI DIPERBUAT (AKTA CUKAI JUALAN 2018 DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018)

68. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan pembuatan Akta-akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta-akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan perkara yang dilakukan itu adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta-akta ini, dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta-akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Ketua Pengarah.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Pelepasan Hutang Lapuk/ Hutang Lapuk Dibayar Balik

1. S : **Adakah orang berdaftar CBP layak untuk menuntut pelepasan hutang lapuk pada atau selepas 1 September 2018?**

J : Orang yang berdaftar CBP layak untuk menuntut pelepasan hutang lapuk walaupun ia menjangkau pada atau selepas 1 September 2018.
2. S : **Apakah tempoh masa untuk menuntut pelepasan hutang lapuk?**

J : Pelepasan hutang lapuk dibenarkan untuk dituntut dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh efektif.
3. S : **Saya telah menuntut pelepasan hutang lapuk sebelum 1 Jun 2018. Selepas 1 Jun 2018, penghutang telah membayar semula amaun yang telah saya tuntutan sebagai pelepasan tersebut. Apakah layanan CBP ke atas bayaran hutang lapuk sekiranya bayaran semula diterima selepas 1 Jun 2018?**

J : Bayaran semula hutang lapuk perlu diakaunkan sebagai cukai output pada kadar standard 6%.
4. S : **Adakah pelepasan hutang lapuk masih boleh dituntut bermula 1 Jun 2018 sekiranya belum menerima apa-apa bayaran dalam masa 4 bulan dari tarikh pembekalan?**

J : Tidak. Kamu hendaklah mematuhi tempoh melebihi 6 bulan dan semua syarat-syarat lain yang ditetapkan.
5. S : **Adakah pelepasan hutang lapuk boleh dituntut bermula tarikh 1 Jun 2018 sekiranya telah melebihi tempoh 6 bulan dari tarikh pembekalan?**

J : Boleh, sekiranya usaha-usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk mendapatkan semula hutang tersebut. Pelepasan hutang lapuk boleh dituntut dalam tempoh 120 hari dari tarikh efektif.

Masa Pembekalan

6. S : **Saya seorang peruncit. Saya menjual barangan secara kredit (jualan kredit), menyerahkan dan menyediakan barangan sebelum 1 Jun 2018 kepada pelanggan saya. Apabila pelanggan saya membuat pembayaran secara berkala (ansuran) kepada saya selepas 1 September 2018, perlukah saya mengenakan CBP ke atas bayaran?**
- J : Ya, penjualan barang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar 6% kerana barang itu telah dijadikan tersedia/ dipindahkan sebelum 1 September 2018.
7. S : **Invois cukai pada CBP 0% telah dikeluarkan pada 31 Ogos 2018 dan bayaran penuh telah dibuat pada hari yang sama. Barang dipindahkan dan dijadikan tersedia pada 1 September 2018. Apakah kaedah dan dokumen yang diperlukan?**
- J : Barang dipindahkan dan dijadikan tersedia pada 1 September 2018. Pelarasan perlu dibuat menggunakan nota debit.

Invois Cukai

8. S : **Saya telah membuat pembekalan selepas 1 Jun 2018 dan mengenakan CBP pada kadar standard 6% dan satu invois cukai telah dikeluarkan kepada pembeli. Ini bermakna saya telah TERSILAP mengenakan CBP. Perlukah saya mengakaunkan cukai yang dipungut pada kadar standard 6%?**
- J :
1. Ya, sekiranya nota kredit TIDAK dapat dikeluarkan kepada pembeli, CBP pada kadar standard 6% perlu diakaunkan.
2. Sekiranya nota kredit boleh dikeluarkan dan syarikat telah mengakaunkan CBP berkenaan, syarikat boleh membuat pelarasan di dalam borang GST-03 dalam tempoh bercukai nota kredit dikeluarkan.

9. S : **Saya telah menjual barang dan telah mengeluarkan invois cukai pada 1 Mei 2018. Barang berkenaan telah dipulangkan oleh pembeli pada 30 Jun 2018. Adakah nota kredit perlu dikeluarkan atas kadar standard 6% atau atas kadar standard 0%?**
- J : Nota kredit perlu dikeluarkan atas kadar standard 6% kerana ia berkaitan dengan invois cukai yang telah dikeluarkan pada 1 Mei 2018.
10. S : **Adakah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 masih boleh mengeluarkan invois cukai atau nota debit selepas 1 September 2018 untuk perkhidmatan yang diberikan atau barang yang dijual sebelum 1 September 2018?**
- J : Tidak. Invois cukai adalah dinasihatkan untuk dikeluarkan sebelum 1 September 2018.
11. S : **Barangan dipindahkan dan invois dikeluarkan kepada pembeli pada 28 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, bayaran untuk barangan hanya dibuat pada 6 September 2018. Apakah layanan cukai?**
- J : CBP dikenakan pada kadar standard sebanyak 0% berdasarkan nilai barangan yang dipindahkan.

Bayaran Balik Khas

12. S : **Bolehkah pengilang berdaftar menuntut bayaran balik khas dalam era CJCP?**
- J : Tidak boleh.
13. S : **Adakah ansuran bayaran balik khas akan dibayar dalam era CJCP?**
- J : Bayaran balik khas secara ansuran yang telah diluluskan akan dibayar dengan sewajarnya walaupun ia menjangkau era CJCP.

Perkhidmatan Telekomunikasi

14. S : **Adakah perkhidmatan telekomunikasi yang tertakluk kepada CBP di bawah Akta GST 2014, akan dikenakan Cukai Perkhidmatan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018?**
- J : Ya. Perkhidmatan telekomunikasi adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan (kecuali pembekalan perkhidmatan telekomunikasi oleh telekomunikasi Malaysia ke telekomunikasi luar negara dan perkhidmatan *roaming* keluar)

Perkhidmatan Jagaan Kesihatan

15. S : **Adakah perkhidmatan perundingan, perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman di hospital swasta, penyediaan bilik penginapan untuk tidur dan lojing tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Tidak.

Nota Debit dan Kredit

16. S : **Syarikat A telah mengeluarkan invois cukai dengan CBP pada kadar 6% pada bulan Februari 2018 untuk langganan bagi tempoh dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Penyata CBP telah dikemukakan kepada JKDM dan cukai output telah diakaunkan. Perlukah Syarikat A mengeluarkan semula invois cukai pada CBP 6% dari 1 Januari 2018 hingga 31 Mei 2018, CBP 0% dari 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 dan Cukai Perkhidmatan dari 1 September 2018 hingga 31 Disember 2018 atau pembeli perlu membayar berdasarkan invois cukai sebenar yang dikeluarkan pada bulan Januari 2018?**

- J : Inbois cukai tidak perlu dikeluarkan semula kerana CBP di bawah Akta CBP 2014 telah dibayar ke atas perkhidmatan yang telah diliputi oleh inbois terdahulu (Seksyen 93(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018)
17. S : **Saya adalah orang yang berdaftar CBP di bawah Akta CBP 2014 dan menjadi pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 pada 1 September 2018. Saya membekalkan barang bercukai sebelum pelaksanaan Cukai Jualan tetapi disebabkan terdapat sedikit kerosakan, 10% dari barang tersebut telah dikembalikan selepas 1 September 2018. Nota kredit dikeluarkan atas barang yang dikembalikan. Apakah implikasi Cukai Jualan kepada pembeli sekiranya dia adalah pengilang berdaftar?**
- J : Sekiranya pembeli adalah pengilang berdaftar dan dia telah menuntut kredit cukai input bagi barang yang dikembalikan kepada pembekal, maka pembeli harus mengakaunkan cukai output dalam tempoh 120 hari dari tarikh efektif.
18. S : **Adakah pembayaran pendahuluan CBP untuk tempoh masa yang panjang boleh dibayar balik untuk bahagian yang berkaitan dengan tempoh selepas tarikh efektif?**
- J : JDKM membenarkan orang berdaftar CBP mengeluarkan nota kredit untuk membuat pelarasan bagi CBP yang dibayar yang berkaitan dengan bahagian selepas tarikh efektif. Orang berdaftar CBP perlu membuat pelarasan yang berlaku disebabkan pengeluaran nota kredit. Jika pembayaran pendahuluan untuk tempoh yang panjang adalah pembekalan bercukai atau perkhidmatan bercukai ditetapkan, ia akan tertakluk kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan efektif dari 1 September 2018.
19. S : **Apakah layanan CBP untuk nota debit atau nota kredit yang dikeluarkan selepas 120 hari dari tarikh efektif?**
- J : Orang berdaftar CBP perlu membuat pelarasan cukai yang disebabkan oleh pengeluaran nota debit atau nota kredit.

20. S : **Saya adalah orang berdaftar di bawah Akta CBP 2014 dan saya adalah pengilang berdaftar pada 1 September 2018 di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Apakah layanan cukai bagi nota debit yang dikeluarkan oleh saya pada atau selepas 1 September 2018 kerana saya telah berkurang caj pelanggan saya (orang berdaftar) sebelum 1 September 2018?**
- J : Anda perlu mengakaunkan cukai output dalam tempoh bercukai nota debit dikeluarkan.

Barang Dipulangkan

21. S : **Saya adalah orang berdaftar CBP di bawah Akta CBP 2014 dan tidak berdaftar untuk CJCP. Bagaimanakah saya menuntut kredit cukai input mengenai barang yang dikembalikan kepada saya selepas 1 September 2018?**
- J : Anda layak untuk menuntut apa-apa kredit cukai input ke atas barang yang dikembalikan tidak lewat dari seratus dua puluh (120) hari dari tarikh efektif.
22. S : **Barang yang dibeli dan dikenakan CBP pada kadar standard 6% kemudian dipulangkan kepada pembekal semasa CBP berkadar standard 0%. Apakah layanan CBP?**
- J : Pembekal perlu mengeluarkan nota kredit yang sama nilai jualannya dan dikaitkan dengan invois cukai (CBP pada 6%) bagi barang yang dipulangkan.

Pembekalan Hak Keahlian

23. S : **Saya adalah ahli Industri Timeshare Malaysia sejak tahun 2002 dan kontrak adalah selama 38 tahun. Saya membayar secara penuh keahlian saya pada tahun yang sama. Apakah layanan cukai perkhidmatan jika saya memutuskan untuk menjual keahlian saya selepas tahun ke-20 dimana selepas 1 September 2018?**

- J : Apa-apa bayaran yang dibuat pada atau selepas 1 September 2018 akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sekiranya hak tersebut tidak dibayar sepenuhnya sebelum 1 September 2018 tetapi dibayar secara progresif dan menjangkau pada atau selepas 1 September 2018, akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
24. S : **Yuran penyertaan kelab rekreasi kecergasan persendirian adalah perkhidmatan bercukai di bawah Akta GST 2014. Apakah layanan bagi yuran penyertaan yang dibayar sepenuhnya sebelum 1 September 2018?**
- J : Yuran penyertaan dibayar sepenuhnya sebelum pelaksanaan CJCP oleh ahli kelab adalah tertakluk kepada CBP walaupun sebahagian hak keahlian berterusan selepas 1 September 2018.
25. S : **Saya memegang keahlian seumur hidup di kelab golf eksklusif di mana perkhidmatan seperti penggunaan kemudahan sukan tertakluk kepada CBP. Apakah layanan atas yuran penggunaan kemudahan yang dikenakan oleh pengendali kelab efektif pada 1 September 2018 dan seterusnya?**
- J : Yuran atau caj ke atas perkhidmatan sedemikian jika disediakan pada atau selepas 1 September 2018 adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

Pengangkutan Jalan

26. S : **Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh *executive coaches* atau limosin lapangan terbang yang bermula sebelum 1 September 2018 dan berakhir pada atau selepas 1 September 2018?**
- J : Pembekalan perkhidmatan dibuat apabila perkhidmatan dilaksanakan. Bagi perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh *executive coaches* dan limosin lapangan terbang yang bermula pada 1 Jun 2018 dan berakhir pada 31 Ogos 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada

0%. Selepas pelaksanaan cukai perkhidmatan, bahagian bekalan pada atau selepas 1 September 2018 tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Deposit

27. S : **Saya menghadiri sesi fotografi pada 31 Ogos 2018 dan membayar deposit RM100 sebagai bayaran sebahagian. Foto-foto itu telah dihantar kepada saya pada 4 September 2018 dan saya membuat baki pembayaran pada hari yang sama. Adakah baki pembayaran tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Baki bayaran tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan tetapi tertakluk kepada CBP kerana perkhidmatan telah dibekalkan dan invois dikeluarkan sebelum 1 September 2018.
28. S : **Saya membayar deposit sebanyak RM100 untuk menempah sesi fotografi sebelum 1 September 2018. Sesi bergambar dijadualkan selepas 1 September 2018. Apakah layanan cukai terhadap deposit?**
- J : Bayaran pendahuluan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar 0%.
29. S : **Deposit (bayaran pendahuluan) untuk pembekalan barang / perkhidmatan telah dibayar sebelum tarikh 1 Jun 2018 dan barang / perkhidmatan dibekalkan selepas tarikh 1 Jun 2018. Apakah layanan CBP?**
- J : Bayaran pendahuluan tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6% manakala baki bayaran sekiranya dibuat selepas 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 adalah tertakluk kepada kadar standard 0%.
30. S : **Jom Travel Sdn Bhd telah membuat tempahan hotel berjumlah RM101,760 dan telah membuat bayaran pendahuluan (*security deposit*) pada 4 Mac 2018 berjumlah RM30,528 dan dijangka**

menginap di hotel tersebut pada 15 Julai 2018. Apakah implikasi CBP ke atas pembekalan yang dibuat pada 15 Julai 2018?

- J : Bagi tujuan CBP, bayaran pendahuluan yang diterima adalah bukan sebahagian daripada balasan kepada pembekalan. Keseluruhan pembekalan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar 0%.

Tiket/ Tiket Penerbangan

31. S : **Saya telah membeli tiket penerbangan sebelum 1 Jun 2018 dan dijadualkan berlepas selepas 1 Jun 2018. Bolehkah saya menuntut balik nilai CBP yang telah dibayar?**

- J : Bergantung kepada terma dan syarat transaksi jual beli yang dipersetujui diantara penjual dan pembeli. Dalam senario ini

(i) Jika bayaran ke atas tiket penerbangan ini dibuat semasa tempahan, kamu tidak layak untuk mendapatkan pembayaran balik tanpa mengambilkira terma dan syarat diantara pihak-pihak terlibat memandangkan bayaran tiket penerbangan telah dibayar sepenuhnya sebelum 1 Jun 2018.

(ii) Jika bayaran dibuat pada atau selepas 1 Jun 2018, CBP hendaklah dikenakan atas kadar standard 0% dan harga tiket boleh berubah bergantung kepada terma perjanjian dengan pembekal perkhidmatan.

32. S : **Saya telah membeli tiket penerbangan pada 1 Jun 2018 di mana CBP adalah 0% dan penerbangan saya dijadualkan berlepas pada tarikh efektif, 1 September 2018. Adakah saya perlu membayar cukai perkhidmatan untuk pembelian tiket penerbangan pada 1 Jun 2018 dan akan dijadualkan berlepas pada 1 September 2018?**

- J : Apa-apa perkhidmatan bercukai hendaklah disifatkan telah dibuat pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan walaupun apa-apa pembayaran diterima atau invois dikeluarkan dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas perkhidmatan bercukai itu (Seksyen 11(3)(c) Akta Cukai Perkhidmatan

2018). Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan di bawah Seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah memberikan pengecualian pembayaran cukai perkhidmatan ke atas tiket penerbangan domestik yang dibeli sebelum 1 September 2018 untuk perkhidmatan yang dijadualkan berlepas pada atau selepas tarikh efektif, 1 September 2018.

Pembekalan Progresif dan Berterusan/ Pembekalan Menjangkau

33. S : **Apakah layanan CJCP bagi pembekalan produk petroleum bercukai yang dihantar secara berterusan melalui saluran paip, saluran atau cara lain yang bermula sebelum 1 September 2018 di mana balasan dibayar secara berterusan dari tarikh sebelum 1 September 2018?**
- J : Bekalan petroleum melalui saluran paip disifatkan sebagai bekalan barang. Mana-mana pembekalan yang dibuat sebelum 1 September 2018 (1 Jun 2018 – 31 Ogos 2018) adalah tertakluk kepada CBP (0%) manakala pembekalan yang dibuat pada atau selepas 1 September 2018 akan tertakluk kepada Cukai Jualan. Pembekal perlu melakukan pembacaan meter bekalan sebelum 1 September 2018 untuk memastikan nilai pembekalan pada dan selepas 1 September 2018.
34. S : **Bayaran penuh telah diterima pada 22 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, barang tersebut hanya dipindahkan pada 8 September 2018. Apakah layanan cukai?**
- J : Cukai Jualan akan dikenakan pada kadar 10% atas nilai barang yang dipindahkan.
35. S : **Kerja subkontrak akan dilaksanakan dari 15 Ogos 2018 hingga 15 Oktober 2018. Bagaimanapun, sebahagian dari kerja itu telah dilakukan dalam era CBP dan sebahagian lagi diselesaikan dalam era CJCP. Apakah layanan cukai terhadap kerja subkontrak tersebut?**

- J : CBP dikenakan pada kadar standard 0% pada bahagian kerja yang dilakukan sehingga 31 Ogos 2018. Sementara itu, Cukai Perkhidmatan pada kadar 6% dikenakan atas baki kerja yang akan diselesaikan pada 15 Oktober 2018.
36. S : **Saya telah menerima bayaran penuh sebanyak RM100,000 pada 20 Mei 2018 untuk pembekalan barang bercukai yang dihantar kepada pembeli saya pada 2 Jun 2018. Apakah layanan CBP untuk bekalan itu?**
- J : Pembekalan tersebut tertakluk kepada CBP pada kadar 6% dan bayaran penuh yang diterima adalah termasuk CBP. Gunakan pecahan cukai (6/106) untuk menentukan jumlah CBP yang perlu diakaunkan.
37. S : **Tours & Travel Sdn Bhd telah membuat tempahan hotel ke atas lima pelancong dari Indonesia dan Tours & Travel Sdn Bhd telah membuat bayaran penuh, iaitu RM6,360 (termasuk CBP 6%) pada 15 Februari 2018, dan akan menginap di hotel tersebut bermula 1 Julai 2018 sehingga 9 Julai 2018. Apakah kadar CBP yang dikenakan keatas pembekalan yang dibuat oleh operator hotel tersebut?**
- J : Pembekalan perkhidmatan penginapan adalah tertakluk kepada CBP 6% kerana bayaran penuh telah dibuat sebelum 1 Jun 2018.
38. S : **Saya mendaftar masuk ke hotel pada 31 Ogos 2018 dan menginap di hotel sehingga 1 September 2018. Adakah saya perlu membayar cukai perkhidmatan?**
- J : Daftar masuk ke hotel pada 31 Ogos 2018 dan daftar keluar pada 1 September 2018 tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
39. S : **Saya membeli kad pra-bayar pada 31 Ogos 2018 dan menggunakannya (*redeem*) pada 1 September 2018. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan kad pra-bayar tersebut?**
- J : Kad pra-bayar yang dijual adalah termasuk cukai perkhidmatan seperti berikut:

Pelanggan akan menerima baki kredit yang berikut setelah dikenakan 6% cukai perkhidmatan.

Reload RM5 dapat RM4.72 (RM0.28 cukai perkhidmatan and RM4.72 *airtime*)

Reload RM10 dapat RM9.43

Reload RM30 dapat RM28.30

Reload RM50 dapat RM47.17

Reload RM60 dapat RM56.60

Reload RM100 dapat RM94.34

Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan di bawah Seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah memberikan pengecualian dari pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan telekomunikasi pra-bayar yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi kepada pelanggan warganegara Malaysia berkuatkuasa mulai 6 September 2018. Melalui pengecualian ini, pelanggan perkhidmatan telekomunikasi pra-bayar akan mendapat nilai kredit sepenuhnya apabila membuat tambah nilai dan tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan.

Pembekalan Tanah atau Hartanah Semasa Tempoh Peralihan

40. S : **Saya telah menjual sebuah kedai bernilai RM1 juta. Saya telah membuat pembayaran penuh dan S&P ditandatangani sebelum 1 Jun 2018 tetapi kunci diserahkan pada 1 September 2018. Adakah harta itu tertakluk kepada CBP?**

J : Pembekalan tanah atau harta tanah adalah tertakluk kepada CBP walaupun pembekalan dijadikan tersedia pada 1 September 2018 kerana inuis cukai telah dikeluarkan sebelum 1 Jun 2018 dan CBP pada kadar 6% telah di caj dalam inuis tersebut.

41. S : **Saya telah menandatangani perjanjian jual beli untuk menjual satu unit bangunan komersil bernilai RM 1,600,000 pada 1 April 2018. Setelah menandatangani perjanjian itu, deposit 10% telah diterima**

dan baki 90% akan diterima dalam tempoh 90 hari, iaitu pada 11 Jun 2018. Pemilikan kosong (VP) akan diberikan setelah pembayaran penuh dibuat. Apakah layanan CBP untuk urus niaga ini?

J : Deposit yang diterima semasa menandatangani perjanjian jual beli yang merupakan sebahagian dari pembayaran yang diterima sebelum 1 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6%. Walaubagaimanapun, baki 90% yang diterima pada atau selepas 1 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%.

42. S : **Badan pengurusan bersama / pengurusan korporat yang menguruskan bangunan komersial telah menerima pembayaran pada 31 Mac 2018 sebagai balasan untuk pembekalan dana penyelenggaraan dan *sinking fund* bagi tempoh 1 tahun dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Cukai output pada kadar 6% telah diakaunkan dalam GST-03. Adakah terdapat perubahan pada kadar cukai untuk pembekalan ini?**

J : GST kekal pada kadar standard 6%.

43. S : **Badan pengurusan bersama / pengurusan korporat yang menguruskan bangunan komersial masih belum menerima pembayaran bagi pembekalan perkhidmatan untuk tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Mei 2018. Pembayaran diterima pada 2 Julai 2018. Perlukah GST dikenakan pada kadar standard 0%?**

J : Tidak, GST mesti dikenakan pada kadar standard 6%.

44. S : **Projek pembangunan komersil telah disiapkan pada 18 Mei 2018. Walau bagaimanapun, konsultan hanya dapat mengeluarkan sijil kerja yang dilakukan pada 20 Jun 2018. Invois cukai dikeluarkan pada 30 Jun 2018 selepas konsultan mengesahkan jumlah akhir. Adakah CBP dikenakan ke atas kadar standard 6% atau 0%?**

J : CBP dikenakan pada kadar standard 6%.

Kredit Cukai Input di bawah Seksyen 38 Akta CBP 2014

45. S : **Sekiranya pembekalan yang dibekalkan ditetapkan pada kadar standard 0%, adakah saya masih boleh menuntut cukai input?**
J : Ya, tuntutan cukai input dibenarkan sekiranya mematuhi Seksyen 39, Akta CBP 2014 dan Peraturan 38 dan 39, Peraturan-Peraturan CBP 2014.
46. S : **Adakah permohonan kredit cukai input (ITC) masih akan diproses pembayarannya oleh JKDM efektif 1 September 2018?**
J : Ya, permohonan akan diproses seperti biasa.
47. S : **Bolehkah pembayaran kredit cukai input diimbangi (*offset*) dengan pembayaran CBP yang perlu dibuat?**
J : Ya, dengan syarat permohonan kredit cukai input telah diluluskan. Proses imbalan (*offsetting*) akan dibuat secara automatik melalui sistem.
48. S : **Bolehkah baki kredit dalam TAP yang telah diluluskan dan dibawa ke hadapan (*carry forward*) dibayar balik kepada orang berdaftar CBP efektif 1 September 2018?**
J : Ya.
49. S : **Bagaimanakah cara untuk menuntut semula baki kredit yang telah diluluskan dan dibawa ke hadapan (*carry forward*)?**
J : Orang berdaftar CBP hendaklah membuat permohonan melalui TAP dan prosedur biasa *refund request* harus dipatuhi.
50. S : **Bilakah kredit cukai input CBP akan dibayar balik kepada orang berdaftar CBP?**
J : Seksyen 8 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 menetapkan bahawa apa-apa cukai di bawah seksyen 38 Akta yang dimansuhkan yang belum dibuat oleh KP pada tarikh efektif atau apa-apa cukai input yang berhubungan dengan tuntutan muktamad, tertakluk

kepada penentusahan, audit atau siasatan, hendaklah dibayar oleh KP dalam tempoh enam tahun dari tarikh efektif.

51. S : **Bermula 1 September 2018, adakah orang berdaftar CBP masih perlu menjawab kuiri yang telah dikeluarkan sebelumnya oleh pegawai Kastam (*Refund Officer*) berkaitan permohonan kredit cukai input?**

J : Ya.

52. S : **Adakah orang berdaftar CBP masih dibenarkan membuat tuntutan luar biasa di bawah Peraturan 46, Peraturan-Peraturan CBP 2014 iaitu tuntutan kredit cukai input bagi perolehan barang yang diperolehi sebelum tarikh pendaftaran?**

J : Ya, setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Kastam.

53. S : **Bolehkah orang berdaftar CBP mengemukakan semula permohonan pembayaran balik yang telah ditolak oleh JKDM efektif dari 1 Jun 2018?**

J : Ya.

54. S : **Bagaimanakah cara mengemukakan semula permohonan pembayaran balik yang telah ditolak sebelum 1 September 2018?**

J : Sila hubungi *Refund Officer* yang berkenaan melalui telefon atau E-Mel.

55. S : **Berapa lamakah saya boleh menuntut cukai input CBP selepas pelaksanaan CJCP?**

J : Anda dibenarkan menuntut kredit cukai input dengan menghantar penyata GST-03 terakhir dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari selepas tarikh efektif CJCP.

56. S : **Penyata GST-03 saya yang berada dalam posisi pembayaran balik telah ditolak oleh JKDM kerana terdapat transaksi yang tidak layak untuk dituntut. Saya telah menerima surat penolakan selepas 120**

hari dari tarikh efektif (2019). Adakah saya masih boleh membuat pindaan pada penyata tersebut?

- J : Pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk membuat pindaan pada penyata GST-03 yang telah ditolak bagi mengeluarkan mana-mana transaksi yang tidak layak dituntut tersebut. Pindaan perlu dibuat ke atas borang GST-03 dalam tempoh bercukai yang telah ditolak.

Penyata

57. S : **Perlukah saya menghantar penyata GST-03?**

- J : Ya. Orang berdaftar CBP masih dikehendaki menghantar penyata GST-03 sehingga 120 hari dari tarikh efektif.

58. S : **Saya telah dikenakan kompaun lewat hantar penyata di bawah Seksyen 41(6) ACBP 2014. Bolehkah kompaun tersebut diremit?**

- J : Ya. Kuasa untuk meremit kompaun adalah mengikut budi bicara Pendakwa Raya.

59. S : **Adakah orang berdaftar CBP perlu membayar apa-apa tunggakan cukai dan penalti walaupun ia masih mempunyai tuntutan kredit cukai input yang belum diluluskan oleh JKDM efektif pada 1 September 2018?**

- J : Ya.

60. S : **Adakah orang berdaftar CBP akan dikenakan penalti lewat bayar jika bayaran CBP tidak dibuat dalam tempoh ditetapkan efektif pada 1 September 2018?**

- J : Ya.

61. S : **Saya telah dikenakan penalti lewat bayar di bawah Seksyen 41(7) ACBP 2014. Bolehkah penalti tersebut diremit?**

- J : Ianya merupakan kuasa budi bicara Ketua Pengarah Kastam di bawah Seksyen 62 (2) ACBP 2014. Permohonan remisi perlu dibuat oleh orang kena cukai.
62. S : **Di ruangan manakah dalam penyata GST-03 perlu diikrar untuk pembekalan yang telah bertukar ke kadar standard 0%?**
J : Ikrar perlu dibuat di ruangan 5(a) GST-03.
63. S : **Di ruangan manakah dalam penyata GST-03 perlu diikrar untuk pembekalan yang sebelum ini adalah berkadar sifar?**
J : Ikrar perlu dibuat di ruangan 5(a) GST-03 kerana Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 telah dimansuhkan.
64. S : **Tempoh bercukai saya adalah 1 April 2018 hingga 30 Jun 2018. Bagaimana harus saya ikrar penyata GST-03?**
J : Kamu hendaklah mengikrar jumlah jualan berkadar standard 6% sebelum 1 Jun 2018 dan jualan berkadar standard 0% mulai 1 Jun 2018 hingga 30 Jun 2018 di ruangan 5(a) GST-03. Ruangan 5(b) adalah untuk pengikraran cukai yang perlu dibayar bagi tempoh April hingga Mei 2018.
65. S : **Saya telah menuntut cukai input disekat (*block input tax*) dalam penyata GST-03, bolehkah saya membuat pindaan penyata pada atau selepas 1 September 2018?**
J : Ya.
66. S : **Saya telah berkurang atau terlebih membuat tuntutan kredit cukai input, bolehkah saya membuat pindaan penyata GST-03 pada atau selepas 1 September 2018?**
J : Ya.

Umum

67. S : **Adakah orang berdaftar CBP perlu mengkaunkan CBP ke atas barang dalam pegangan sebelum tarikh efektif CJCP?**
J : Orang berdaftar CBP mesti mengkaunkan CBP pada kadar 0% dan perlu mengikrar cukai output dalam penyata GST-03 terakhir dalam tempoh masa 120 hari selepas tarikh efektif.
68. S : **Apakah layanan cukai ke atas stok dalam pegangan di mana cukai input tidak dituntut oleh orang berdaftar CBP yang akan menjadi pengilang berdaftar dalam era Cukai Jualan?**
J : Pengilang berdaftar dibenarkan menuntut kredit cukai input ke atas stok dalam pegangan dalam penyata GST-03 terakhir dalam tempoh masa 120 hari selepas tarikh efektif.
69. S : **Apakah layanan Cukai Jualan ke atas pengimportan *Big Ticket Items* bagi aktiviti petroleum *upstream*?**
J : Di bawah CBP, *Big Ticket Items* adalah tersenarai di bawah Senarai Pengecualian Utama petroleum *Big Ticket Items* diberi pengecualian Cukai Jualan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan Dari Cukai Jualan) 2018.
70. S : **Adakah cukai pada kadar standard 0% akan dikenakan ke atas barang yang dibawa dengan tangan di lapangan terbang pada atau selepas 1 Jun 2018?**
J : Jika barang tidak tertakluk kepada apa-apa duti import, ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%. Sekiranya barang-barang yang dibawa masuk dengan tangan tertakluk kepada duti import, cukai yang perlu dibayar oleh penumpang adalah pada kadar *ad valorem* 10%.
71. S : **Apakah layanan CBP terhadap pembekalan yang dibuat oleh jabatan kerajaan yang berdaftar di bawah Seksyen 20 ACBP 2014 bermula dari 1 Jun 2018 sehingga 31 Ogos 2018?**

- J : Kebiasaannya, pembekalan yang dibuat oleh jabatan kerajaan adalah pembekalan di luar skop. Jika jabatan kerajaan membuat pembekalan bercukai dan berdaftar di bawah seksyen 20 ACBP 2014, pembekalan seumpama ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%.
72. S : **Bermula dari 1 Jun 2018 sehingga 31 Ogos 2018, apakah layanan CBP ke atas perolehan barang oleh jabatan kerajaan?**
- J : Perolehan barang oleh jabatan kerajaan tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%. Perintah CBP (Pelepasan) 2014 telah dimansuhkan.
73. S : **Bermula dari 1 Jun 2018 sehingga 31 Ogos 2018, apakah layanan CBP ke atas perolehan perkhidmatan oleh jabatan kerajaan?**
- J : Perolehan perkhidmatan oleh jabatan kerajaan tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%.
74. S : **Saya bukanlah orang berdaftar CBP. Saya masih mempunyai stok barang yang telah dikenakan CBP 6% selepas 1 Jun 2018. Bolehkah saya menuntut pulang balik cukai?**
- J : Tidak.
75. S : **Jika tanda harga yang dipamerkan oleh peniaga pada atau selepas 1 Jun 2018 masih menunjukkan harga termasuk CBP 6% (CBP termasuk 6%), apakah harga yang perlu dibayar oleh pengguna?**
- J : Harga yang perlu dibayar oleh pengguna adalah selepas menggunakan pecahan cukai.
Contoh:
Harga dipamerkan (termasuk CBP 6%) :RM106
Harga dibayar (tidak termasuk CBP 6%) :RM106X(100/106): RM100
76. S : **Adakah pihak insurans perlu membayar balik CBP yang telah dibayar oleh pemegang polisi sekiranya perlindungan insurans tersebut dibuat di bawah suatu perjanjian bagi suatu tempoh bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 dan invois cukai**

dan bayaran dihubungkan dengan suatu pembekalan bagi tempoh tersebut telah dibuat sebelum 1 Jun 2018?

J : Tidak perlu kerana CBP di bawah Akta CBP 2014 telah dibayar ke atas perkhidmatan yang telah diliputi oleh inbois terdahulu (Seksyen 93(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018).

77. S : **Bagaimanakah status bank yang dilantik sebagai ejen pemungut CBP selepas 1 Jun 2018?**

J : Tidak ada perubahan ke atas status bank yang dilantik sebagai ejen Pemungut CBP adalah kekal seperti sedia kala.

78. S : **Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang yang diklasifikasikan sebagai pembekalan berkadar sifar di bawah Jadual 1 Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014?**

J : Pembekalan barang tersebut dianggap sebagai pembekalan bercukai dan tertakluk kepada kadar standard 0%.

79. S : **Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan yang diklasifikasikan sebagai pembekalan berkadar sifar di bawah Jadual 2 Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014?**

J : Pembekalan berkadar standard 0%.

80. S : **Apakah layanan CBP ke atas “reimbursement” yang berkaitan dengan pembekalan yang berlaku sebelum 1 Jun 2018 dan “reimbursement” dibuat pada atau selepas 1 Jun 2018?**

J : “Reimbursement” yang dibuat pada atau selepas 1 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%.

81. S : **LMN Construction Sdn Bhd adalah pembekal perkhidmatan pembinaan. Sejumlah pembayaran untuk perkhidmatan telah ditahan oleh pelanggan sebagai wang tahanan (*retention sum*). Apakah layanan CBP ke atas wang tahanan yang dikaitkan dengan kerja pembinaan yang telah dilakukan sebelum 1 Jun 2018 dan**

pembayaran wang tahanan dibuat pada atau selepas 1 September 2018?

- J : Jumlah wang tahanan yang dikaitkan dengan pembekalan yang dilakukan sebelum 1 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6%. LMN Construction Sdn Bhd adalah bertanggung untuk mengakaunkan cukai output setelah menerima wang tahanan tersebut walaupun pembayaran itu diterima pada atau selepas 1 September 2018.
82. S : **Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang yang diberi pelepasan di bawah Jadual 1 dan 2 Perintah CBP (Pelepasan) 2014?**
- J : Dengan pemansuhan Perintah CBP (Pelepasan) 2014, pembekalan barang bermula dari 1 Jun 2018 adalah tertakluk kepada kadar CBP 0%.
83. S : **Perlukah orang berdaftar CBP membuat permohonan pelepasan melalui peruntukan Pelepasan Oleh Menteri Kewangan 1/2017 bagi perkhidmatan berkaitan dengan barang yang akan dieksport mulai 1 Jun 2018?**
- J : Permohonan pelepasan tidak perlu dibuat.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email: ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 3 – 5 September 2018

Para	Keterangan
Para 7	Tambah “ <i>di antara kawasan khas dan dari kawasan ditetapkan ke kawasan khas dan sebaliknya</i> ” selepas perkhidmatan penerbangan domestik di antara kawasan ditetapkan
Para 47	Tambah para berkaitan pengecualian dari pembayaran cukai perkhidmatan oleh Menteri bagi tiket penerbangan domestik yang dibeli sebelum 1 September 2018 dan dijadualkan berlepas pada atau selepas tarikh efektif.
Soalan 32	Tambah soalan berkaitan dengan tiket penerbangan domestik yang dibeli sebelum 1 September 2018 dan dijadualkan berlepas pada atau selepas tarikh efektif.
Soalan 38	Tambah soalan berkenaan pelanggan yang menginap di hotel sebelum tarikh efektif dan mendaftar keluar pada atau selepas tarikh efektif.
Soalan 39	Tambah soalan berkenaan pembelian kad prabayar sebelum tarikh efektif dan <i>redeem</i> pada atau selepas tarikh efektif.